



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 2 JULAI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MALAYSIA TEROKA AKSES PASARAN PERTANIAN DENGAN ITALI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MOHAMAD SABU ADAKAN LAWATAN KE ITALI, HUNGARY, SH-ONLINE MOHAMAD SABU KETUAI DELEGASI MALAYSIA KE ITALI, HUNGARY, KOSMO MAT SABU ADAKAN LAWATAN KE ITALI, HUNGARY PERKUKUH KERJASAMA PERTANIAN, BH -ONLINE MAT SABU ON ITALY, HUNGARY VISIT TO STRENGTHEN AGRICULTURE COOPERATION, MALAYMAIL, -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
6.	BEKALAN TELUR PUTUS, PEMUDA AMBIL INISIATIF TERNAK AYAM, BH-ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8.	PETANI DERITA INDUSTRI PADI DIKAWAL KARTEL, UM-ONLINE CAKAP LAIN BUAT LAIN, SH PREMIUM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
9. 10.	PENDUDUK 'MANDI PELUH' URUS KORBAN LEMBU SADO, UM-ONLINE PENIPUAN KAMPIT BERAS DORONG KETIRISAN SUBSIDI, BH-ONLINE	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Malaysia teroka akses pasaran pertanian dengan Itali

By **Mohd Zaini Samsu Hadi**

-

2 July 2023



KUALA LUMPUR – Datuk Seri Mohamad Sabu akan mengadakan mesyuarat dengan Kerajaan Itali bagi merebut peluang meneroka akses pasaran baharu untuk produk pertanian dalam meningkatkan keseimbangan perdagangan antara kedua-dua negara.

Menerusi kenyataan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) memaklumkan, mesyuarat diadakan sempena lawatan menteri bersama delegasi MAFS bermula hari ini hingga 8 Julai nanti.

Katanya, Mohamad dijadual akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian, Kedaulatan Makanan dan Perhutanan Itali, Francesco Lollobrigida dalam

usaha mengukuhkan kerjasama menerusi sektor pertanian termasuk kerjasama ekonomi, pelaburan dan teknikal.

“Selain itu, pertemuan bersama Dr. Qu Dongyu, Ketua Pengarah FAO (Pertubuhan Makanan dan Pertanian) juga akan diadakan bagi perbincangan mengenai isu berkaitan bidang pertanian dan keterjaminan makanan serta nutrisi global, di samping mengukuhkan kerjasama strategik antara Malaysia dan FAO dalam pelbagai sektor berkaitan pertanian.

“Lawatan kerja ini diteruskan ke Budapest, Hungary pada 6 Julai bagi mesyuarat dua hala dengan TYT István Nagy, Menteri Pertanian Hungary dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pertanian kedua-dua negara,” katanya.

Tambah kenyataan itu lagi, pemeteraian MoU berkenaan akan mengukuhkan hubungan dan kerjasama dalam bidang pertanian, meningkatkan kemahiran teknikal serta kepakaran pegawai, memudahcara akses pasaran produk pertanian Malaysia ke Hungary serta membolehkan kedua-dua negara merangka program-program kerjasama baharu yang bersesuaian.

Katanya lagi, Mohamad turut akan menghadiri Persidangan FAO Ke-43 yang merupakan platform bagi setiap ketua delegasi menyampaikan kenyataan negara di bawah agenda Semakan Keadaan Makanan dan Pertanian.

Jelasnya, tema bagi tahun ini ialah pengurusan sumber air untuk empat yang lebih baik iaitu pengeluaran lebih baik, pemakanan lebih baik, persekitaran lebih baik dan kehidupan lebih baik bagi mencapai Agenda 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	SINAR HARIAN	ONLINE	

Mohamad Sabu adakan lawatan ke Itali, Hungary

02 Julai 2023 12:49pm **Masa membaca: 2 minit**



Mohamad Sabu

PUTRAJAYA - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu akan mengadakan lawatan ke Rom, Itali dan Budapest, Hungary bagi mengukuhkan kerjasama dalam sektor pertanian dengan negara berkenaan, bermula Ahad hingga 8 Julai.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan pada Ahad memaklumkan Mohamad akan menghadiri sidang pleno Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) ke-43 di Rom.

Sidang berkenaan merupakan platform bagi setiap ketua delegasi menyampaikan kenyataan negara di bawah agenda Semakan Keadaan Makanan dan Pertanian yang bertemakan 'Pengurusan sumber air untuk empat terbaik: pengeluaran terbaik, pemakanan terbaik, persekitaran terbaik dan kehidupan terbaik, bagi mencapai Agenda 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan' pada tahun ini.

Menurut KPKM semasa persidangan FAO tersebut beliau akan bertemu rakan sejawat Menteri Pertanian, Kedaulatan Makanan dan Perhutanan Itali Francesco Lollobrigida bagi mesyuarat dua hala bertujuan mengukuhkan kerjasama dalam sektor pertanian termasuk kerjasama ekonomi, pelaburan dan teknikal.

"Pertemuan ini juga akan digunakan sebagai peluang untuk meneroka akses pasaran baharu bagi produk pertanian negara dalam usaha meningkatkan keseimbangan perdagangan hasil pertanian antara kedua-dua negara," menurut kenyataan itu.

Selain itu, kenyataan itu memaklumkan Mohamad akan turut bertemu Ketua Pengarah FAO, Dr. Qu Dongyu bagi berbincang perkara berkaitan bidang pertanian dan keterjaminan makanan serta nutrisi global, di samping mengukuhkan kerjasama strategik antara Malaysia dan FAO dalam pelbagai sektor berkaitan pertanian.

Menteri itu akan meneruskan lawatan ke Budapest pada 6 Julai bagi mesyuarat dua hala dengan Menteri Pertanian Hungary István Nagy dan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang pertanian kedua-dua negara.

Menurut kenyataan itu, pemeteraian memorandum berkenaan akan mengukuhkan hubungan dan kerjasama dalam bidang pertanian, meningkatkan kemahiran teknikal dan kepakaran pegawai, memudah cara akses pasaran produk pertanian Malaysia ke Hungary serta membolehkan kedua-dua negara merangka program kerjasama baharu yang bersesuaian.

Menurut KPKM, Mohamad turut dijemput untuk menyampaikan ucap-tama di Majlis Penganugerahan Program Doktor Falsafah di Hungarian University of Agriculture and Life Sciences (MATE). - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	KOSMO	ONLINE	

Mohamad Sabu ketuai delegasi Malaysia ke Itali, Hungary

- Oleh MOHD RIDZAUDDIN ROSLAN
- 2 Julai 2023, 11:05 am



Mohamad Sabu.

PUTRAJAYA – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu akan mengetuai lawatan kerja delegasi Malaysia ke Rom, Itali dan Budapest, Hungary bermula hari ini hingga 8 Julai 2023.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berkata, menerusi lawatan kerja itu, Mohamad Sabu dijangka menghadiri Sidang Pleno Persidangan Food and Agriculture Organization (FAO) Ke-43 di Rom.

“Sidang itu merupakan platform bagi setiap ketua delegasi menyampaikan kenyataan negara (country statement) menerusi agenda Review of the State of Food and Agriculture.

“Tema bagi agenda pada tahun ini ialah ‘Water resourcesmanagement for the four betters: better production, better nutrition, betterenvironment and better life, to achieve Agenda 2030 and the SustainableDevelopment Goals’,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Jelas kenyataan itu, Mohamad Sabu akan mengadakan pertemuan dua hala bersama rakan sejawat iaitu Menteri Pertanian, Kedaulatan Makanan dan Perhutanan Itali, Francesco Lollobrigida semasa Persidangan FAO tersebut.

“Mesyuarat terbabit bertujuan mengukuhkan kerjasama sektor pertanian termasuk kerjasama ekonomi, pelaburan dan teknikal.

“Pertemuan ini juga akan digunakan sebagai peluang meneroka akses pasaran baharu bagi produk pertanian negara dalam usaha meningkatkan keseimbangan perdagangan hasil pertanian antara kedua-dua negara.

“Selain itu, pertemuan bersama Ketua Pengarah FAO, Dr. Qu Dongyu juga diadakan bagi membincangkan isu berkaitan bidang pertanian dan keterjaminan makanan serta nutrisi global,” jelasnya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai lawatan kerja ke Budapest pula, katanya, Mohamad Sabu akan bertemu Menteri Pertanian Hungary, István Nagy dan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang pertanian kedua-dua negara.

Mohamad Sabu turut dijemput menyampaikan ucap tama di Majlis Penganugerahan Program Doktor Falsafah di Hungarian University of Agriculture and Life Sciences (MATE). – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

Mat Sabu adakan lawatan ke Itali, Hungary perkukuh kerjasama pertanian

Julai 2, 2023 @ 1:06pm



Datuk Seri Mohamad Sabu - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu akan mengadakan lawatan ke Rom, Itali dan Budapest, Hungary bagi mengukuhkan kerjasama dalam sektor pertanian dengan negara berkenaan, bermula hari ini hingga 8 Julai.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan hari ini memaklumkan Mohamad akan menghadiri sidang pleno Persidangan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) ke-43 di Rom.

Sidang berkenaan merupakan platform bagi setiap ketua delegasi menyampaikan kenyataan negara di bawah agenda Semakan Keadaan Makanan dan Pertanian yang bertemakan 'Pengurusan sumber air untuk empat terbaik: pengeluaran terbaik,

pemakanan terbaik, persekitaran terbaik dan kehidupan terbaik, bagi mencapai Agenda 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan' pada tahun ini.

Menurut KPKM, semasa persidangan FAO itu beliau akan bertemu rakan sejawat Menteri Pertanian, Kedaulatan Makanan dan Perhutanan Itali Francesco Lollobrigida bagi mesyuarat dua hala bertujuan mengukuhkan kerjasama dalam sektor pertanian termasuk kerjasama ekonomi, pelaburan dan teknikal.

"Pertemuan ini juga akan digunakan sebagai peluang untuk meneroka akses pasaran baharu bagi produk pertanian negara dalam usaha meningkatkan keseimbangan perdagangan hasil pertanian antara kedua-dua negara," menurut kenyataan itu hari ini.

Selain itu, kenyataan itu memaklumkan Mohamad akan turut bertemu Ketua Pengarah FAO, Dr Qu Dongyu bagi berbincang perkara berkaitan bidang pertanian dan keterjaminan makanan serta nutrisi global, di samping mengukuhkan kerjasama strategik antara Malaysia dan FAO dalam pelbagai sektor berkaitan pertanian.

Menteri itu akan meneruskan lawatan ke Budapest pada 6 Julai bagi mesyuarat dua hala dengan Menteri Pertanian Hungary, István Nagy dan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang pertanian kedua-dua negara.

Menurut kenyataan itu, pemeteraian memorandum berkenaan akan mengukuhkan hubungan dan kerjasama dalam bidang pertanian, meningkatkan kemahiran teknikal dan kepakaran pegawai, memudah cara akses pasaran produk pertanian Malaysia ke Hungary serta membolehkan kedua-dua negara merangka program kerjasama baharu yang bersesuaian.

Menurut KPKM, Mohamad turut dijemput untuk menyampaikan ucap-tama di Majlis Penganugerahan Program Doktor Falsafah di Hungarian University of Agriculture and Life Sciences (MATE).

-BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	MALAY MAIL	ONLINE	

Mat Sabu on Italy, Hungary visit to strengthen agriculture cooperation



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu will visit Rome in Italy and Budapest in Hungary to strengthen cooperation in the agricultural sector from July 2 to July 8. — Bernama pic

PUTRAJAYA, July 2 — Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu will visit Rome in Italy and Budapest in Hungary to strengthen cooperation in the agricultural sector from July 2 to July 8.

In a statement today, the Ministry of Agriculture and Food Security said Mohamad will attend the plenary session of the 43rd Food and Agriculture Organisation (FAO) Conference in Rome, Italy.

The conference is a platform for each head of delegation to make a country statement under the State of Food and Agriculture Review Agenda, which this year is themed 'Water Resources Management for the Four Better: Better Production, Better Nutrition, Better Environment and Better Living, to Achieve the 2030 Agenda and Sustainable Development Goals'.

During the FAO conference, Mohamad will meet with his counterpart, Italian Minister of Agriculture, Food Sovereignty and Forests Francesco Lollobrigida, for a bilateral meeting to strengthen cooperation in the agricultural sector, including economic, investment and technical cooperation.

"This meeting will be an opportunity to explore new market access for the country's agricultural products to improve the balance of trade in agricultural trade between the two countries," the statement said.

The statement added that Mohamad will meet FAO director-general Qu Dongyu to discuss issues related to agriculture, food security and global nutrition and to strengthen strategic cooperation between Malaysia and FAO in various areas of agriculture.

The minister will continue his visit to Budapest on July 6 with a bilateral meeting with Hungarian Agriculture Minister István Nagy to sign a Memorandum of Understanding (MoU) in the field of agriculture between the two countries.

The signing of the MoU will strengthen relations and cooperation in the field of agriculture, enhance the technical skills and expertise of officials, facilitate market access for Malaysian agricultural products in Hungary and enable the two countries to formulate appropriate new cooperation programmes.

In addition, Mohamad has also been invited to deliver the keynote address at the conferment of the PhD degree at the Hungarian University of Agriculture and Life Sciences (MATE). — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	THE SUNDAILY	ONLINE	



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu. BERNAMAPIX

PUTRAJAYA: Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu will visit Rome in Italy and Budapest in Hungary to strengthen cooperation in the agricultural sector from July 2 to July 8.

In a statement today, the Ministry of Agriculture and Food Security said Mohamad will attend the plenary session of the 43rd Food and Agriculture Organisation (FAO) Conference in Rome, Italy.

The conference is a platform for each head of delegation to make a country statement under the State of Food and Agriculture Review Agenda, which this year is themed 'Water Resources Management for the Four Better: Better Production, Better Nutrition, Better Environment and Better Living, to Achieve the 2030 Agenda and Sustainable Development Goals'.

During the FAO conference, Mohamad will meet with his counterpart, Italian Minister of Agriculture, Food Sovereignty and Forests Francesco Lollobrigida, for a bilateral meeting to strengthen cooperation in the agricultural sector, including economic, investment and technical cooperation.

“This meeting will be an opportunity to explore new market access for the country’s agricultural products to improve the balance of trade in agricultural trade between the two countries,” the statement said.

The statement added that Mohamad will meet FAO director-general Dr Qu Dongyu to discuss issues related to agriculture, food security and global nutrition and to strengthen strategic cooperation between Malaysia and FAO in various areas of agriculture.

The minister will continue his visit to Budapest on July 6 with a bilateral meeting with Hungarian Agriculture Minister István Nagy to sign a Memorandum of Understanding (MoU) in the field of agriculture between the two countries.

The signing of the MoU will strengthen relations and cooperation in the field of agriculture, enhance the technical skills and expertise of officials, facilitate market access for Malaysian agricultural products in Hungary and enable the two countries to formulate appropriate new cooperation programmes.

In addition, Mohamad has also been invited to deliver the keynote address at the conferment of the PhD degree at the Hungarian University of Agriculture and Life Sciences (MATE). - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

Bekalan telur putus, pemuda ambil inisiatif ternak ayam

Ahmad Rabiul Zulkifli - Julai 2, 2023 @ 3:39pm
bhnews@bh.com.my



Mohd Taufik

dari Kampung Mak Chili Paya menunjukkan telur ayam dan ayam penelur lohmann brown yang ditenak di kawasan rumahnya.- Foto NSTP/Ahmad Rabiul Zulkifli

CHUKAI: Masalah kekurangan bekalan telur di pasaran menyebabkan seorang pemuda mengambil inisiatif membeli 100 anak ayam penelur untuk ditenak di rumah.

Mohd Taufiq Othman, 33, dari Kampung Mak Chili Paya, berkata bermula sekadar suka-suka menternak ayam penelur, beliau nekad berhenti kerja dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada bidang penternakan ayam.

"Disebabkan terputus bekalan telur saya mengambil inisiatif membeli anak ayam penelur lohmann brown sebanyak 100 ekor untuk ditenak di rumah.

"Saya membeli anak ayam itu daripada seorang pembekal dengan harga RM7 seekor dengan harapan tidak lagi bergantung kepada bekalan telur di pasaran.

"Alhamdulillah selepas empat bulan menternaknya, ayam itu mula bertelur dan kini saya tidak lagi bergantung kepada telur ayam yang dijual di kedai," katanya ketika ditemui di rumahnya, hari ini.

Beliau yang sebelum ini bekerja dalam bidang minyak dan gas di pelantar minyak, mula menternak ayam penelur jenis lohmann brown itu sejak tujuh bulan lalu.

Katanya, disebabkan ayam yang ditenak itu menghasilkan lebih 80 biji telur sehari, ia memberi peluang kepadanya untuk menjual telur ayam berkenaan.

"Saya menjual telur ayam itu kepada penduduk setempat dengan harga yang lebih murah kerana ingin membantu penduduk.

"Telur dijual dengan harga RM9 hingga RM11 untuk 30 biji bergantung kepada saiz telur itu," katanya.

Menurutnya, permintaan tinggi dan kegiatan penternakan ayam penelur yang tidak cerewet mendorongnya untuk berhenti kerja dan memberi tumpuan kepada penternakan itu.

"Sekarang saya menambah lagi jumlah ayam lohmann brown yang ditenak sebanyak 600 ekor yang kini berusia sebulan untuk menampung permintaan yang semakin meningkat.

"Saya sudah lama ingin berhenti kerja kerana ingin menjaga ibu, Siti Fatimah Jusof, 69," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Petani derita industri padi dikawal kartel



Ramai pesawah derita akibat industri padi banyak dikawal kartel. -
GAMBAR HIASAN

ALOR SETAR: Industri padi di Kedah dibelenggu kartel yang mengikat pesawah di semua peringkat sehingga tuaian setiap musim berbaki RM1,500 berbanding jualan sebenar RM5,000 bagi setiap hektar sawah diusahakan. Kitaran tersebut diketahui semua pihak namun sehingga kini tidak ada usaha bersungguh-sungguh untuk menghapuskan kartel yang mengikat pesawah. Mendedahkan perkara itu kepada Mingguan Malaysia, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi...

Sila [Log Masuk](#) atau [Langgan](#) untuk membaca berita sepenuhnya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	SINAR HARIAN PREMIUM	ONLINE	

Cakap lain buat lain

02 Julai 2023 07:50am | Masa membaca: 4 minit



WALAUPUN inflasi dilaporkan reda, namun ancamannya tetap ada. Yang terbaharu adalah amaran mengenai kemungkinan harga beras naik lagi.

Sesiapa saja yang mengikuti perkembangan komoditi antarabangsa atau tahu membuat penyelidikan, tidak akan terperanjat dengan ramalan Pengarah Urusan Pasar Raya Besar Mydin, Ameer Ali Mydin baru-baru ini.

Beliau dilaporkan berkata, harga runcit beras...

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Penduduk 'mandi peluh' urus korban lembu sado



MOHD. Khairul Hazwan menjinakkan lembu sado sebelum disembelih di Kampung Beris, Pauh Sembilan, Bachok. - MINGGUAN/ROHANA MOHD.NAWI

BACHOK: Kira-kira 30 penduduk di Kampung Beris, Pauh Sembilan di sini, bermandi peluh menumbangkan seekor lembu 'sado' seberat 1,000 kilogram (kg) yang berharga RM25,000 untuk tujuan ibadah korban semalam.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, pemilik haiwan berkenaan, Mohd. Khairul Hazwan Hashim, 30, berkata, lembu baka Limousine yang diberi gelaran 'Vithai' dipeliharanya sejak tiga tahun lalu. "Saya sudah memasang impian untuk menjadikan lembu ini sebagai haiwan korban pada sambutan Aidiladha. Alhamdulillah impian itu akhirnya tercapai raya kali ini.

“Dengan bantuan ahli Koperasi Laksamana, kami semua bergotong-royong menjayakan ibadah korban yang bermula seawal pukul 8.30 pagi,” katanya ketika ditemui di sini.

Mohd. Khairul memberitahu, kesemua daging lembu itu diagihkan kepada golongan fakir miskin dan penduduk sekitar.

“Saya ucapkan terima kasih kepada penduduk terlibat.

“Walaupun saiznya agak besar, namun kita tidak berdepan masalah kerana lembu ini jinak. Situasi itu sekali gus memudahkan kerja-kerja menyembelih,” jelasnya. – [UTUSAN](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

Penipuan kampil beras dorong ketirisan subsidi

Julai 2, 2023 @ 11:29am

Belalang tepuk dahi apabila ada segelintir pemborong beras didakwa cuba memanipulasi harga kawalan ditetapkan kerajaan dengan menukar kampil beras tempatan kepada kampil beras import.

Perbuatan ini namanya 'lurus sumpitan hendak mengena' atau melakukan tipu muslihat secara halus untuk mengaut keuntungan berlipat ganda.

Belalang dapati punca penipuan berlaku disebabkan kerajaan tidak mengawal harga beras import, sebaliknya hanya diapungkan, manakala harga beras tempatan ditetapkan pada RM26 untuk beg 10 kilogram.



Foto hiasan. - Reuters

Ini mendorong pemborong lebih licik memanipulasi kelompangan peraturan yang ada dengan menipu di depan mata, tetapi tiada tindakan boleh diambil terhadap mereka.

Justeru, adakah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan masih hendak menutup mata membiarkan penipuan pemborong ini berterusan?

Belalang anggap isu ini bukan saja mengakibatkan ketirisan subsidi, bahkan melingkupkan ekonomi negara.

Tiada sensitiviti punca langgar etika berpakaian sopan

Belalang tertarik dengan laporan seorang anggota RELA digantung tugas kerana menghalang seorang wanita memasuki pejabat kerajaan selepas didapati memakai skirt paras paha.

Apa yang berlaku masih boleh diperbetulkan pada masa depan supaya tidak berlaku lagi salah faham orang awam dalam etika berpakaian apabila hendak berurusan di pejabat kerajaan.

Maksudnya, orang awam berhak memakai apa juga jenis pakaian asalkan tidak mencolok mata, terlalu seksi seperti hendak mandi di kolam renang. Apa yang penting, setiap warganegara perlu menghayati prinsip Kesopanan dan Kesusilaan dalam Rukun Negara.

Sebenarnya, tidak susah pun untuk menjadi manusia bersopan dan tahu menjaga penampilan diri apabila berada di tempat awam. Apa yang penting, setiap rakyat perlu ada kesedaran diri untuk tampil dengan kemas dan sopan apatah lagi jika hendak berurusan di pejabat kerajaan.

Anggaplah diri kita sebagai tetamu yang perlu ikut etika dan adab apabila bertandang ke rumah orang. Kebebasan hidup tidak bermakna kita boleh bebas berpakaian apa saja tanpa menghormati peraturan dan sensitiviti agama.